



JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
Department of Mineral and Geoscience Malaysia

INDUSTRI PERLOMBONGAN MALAYSIA
MALYSIAN MINING INDUSTRY
2018

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
Ministry of Water, Land and Natural Resources





JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
Department of Mineral and Geoscience Malaysia

INDUSTRI PERLOMBONGAN MALAYSIA **MALAYSIAN MINING INDUSTRY** **2018**

Compiled by:

**Azemi Hj Eki
Salmiah Nawi
Safura Alias
Mustaza Mustafa
Salehuddin Mohamad
Mohd Zamzuri Ali
Abdul Hasibul Jalil Jusoh**

Obtainable from:

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
IBU PEJABAT, ARAS 9, MENARA PJH, NO. 2, JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 2,
62100 PUTRAJAYA

DEPARTMENT OF MINERAL AND GEOSCIENCE MALAYSIA
HEADQUARTERS, LEVEL 9, MENARA PJH, NO. 2, JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRECINCT 2,
62100 PUTRAJAYA

Tel : +603-8871 6000
Fax : +603-8871 6145
E-mail : helpdesk@jmg.gov.my
Web : www.jmg.gov.my

KANDUNGAN

CONTENTS

Prakata <i>Foreword</i>	1
Pengenalan <i>Overview</i>	2
Dasar Mineral Negara 2 <i>National Mineral Policy 2</i>	3-4
Kaedah dan Peraturan <i>Rules and Regulations</i>	5-6
Pengeluaran Mineral <i>Minerals Production</i>	7
Bijih Timah <i>Tin Ore</i>	9
Emas <i>Gold</i>	12
Bijih Besi <i>Iron Ore</i>	14
Arang Batu, Pasir Silika, Kaolin, Bauksit, Feldspar, Mika, Mangan, Batu Kapur, Batu Dimensi dan Lempung Bebola <i>Coal, Silica Sand, Kaolin and Bauxite, Feldspar, Mica, Manganese, Limestone, Dimension Stone and Ball Clay</i>	16-18
Tenemen Mineral: Lesen Mencari Gali, Lesen Penjelajahan, Pajakan Melombong dan Lesen Melombong Tuan Punya <i>Mineral Tenement: Prospecting Licence, Exploration Licence, Mining Lease and Proprietary Mining Licence</i>	19
Tenaga Kerja <i>Workforce</i>	29
Prospek Industri Perlombongan <i>The Prospect of Mining Industry</i>	33
Ringkasan Perangkaan <i>Summary of Statistics</i>	36
Lokasi Lombong dan Direktori <i>Location of Mines and Directory</i>	
Lokasi Lombong di Semenanjung Malaysia, 2018 <i>Location of Mines in Peninsular Malaysia, 2018</i>	68
Kedah, Pulau Pinang & Perlis	70
Perak	76
Selangor	88
Negeri Sembilan	94
Johor	98
Pahang	108
Terengganu	122
Kelantan	134
Sarawak	146
Sabah	152

SENARAI RAJAH
LIST OF FIGURES

Rajah 1 <i>Figure 1</i>	Peratusan nilai pengeluaran mineral, 2018 <i>Percentage of minerals production value, 2018</i>	8
Rajah 2 <i>Figure 2</i>	Bilangan lombong timah, 2008-2018 <i>Number of tin mines, 2008-2018</i>	9
Rajah 3 <i>Figure 3</i>	Pengeluaran timah-dalam-konsentrat, 2008-2018 <i>Production of tin-in-concentrates, 2008-2018</i>	10
Rajah 4 <i>Figure 4</i>	Pengeluaran bijih timah mengikut negeri, 2018 <i>Production of tin ore by state, 2018</i>	10
Rajah 5 <i>Figure 5</i>	Harga purata bulanan timah, 2018 <i>Monthly average tin price, 2018</i>	11
Rajah 6 <i>Figure 6</i>	Pengeluaran emas mengikut negeri, 2018 <i>Production of gold by state, 2018</i>	12
Rajah 7 <i>Figure 7</i>	Harga purata bulanan emas, 2018 <i>Monthly average gold price, 2018</i>	13
Rajah 8 <i>Figure 8</i>	Pengeluaran bijih besi mengikut negeri, 2018 <i>Production of iron ore by state, 2018</i>	14
Rajah 9 <i>Figure 9</i>	Pengeluaran bijih besi, 2008-2018 <i>Production of iron ore, 2008-2018</i>	15
Rajah 10 <i>Figure 10</i>	Bilangan permohonan tenemen mengikut negeri, 2018 <i>Number of tenement applications by state, 2018</i>	19
Rajah 11 <i>Figure 11</i>	Tenaga kerja mengikut jenis mineral, 2018 <i>Workforce by types of mineral, 2018</i>	29
Rajah 12 <i>Figure 12</i>	Tenaga kerja mengikut negeri, 2018 <i>Workforce by state, 2018</i>	30
Rajah 13 <i>Figure 13</i>	Tenaga kerja mengikut pengkelasan jawatan, 2018 <i>Workforce by job classification, 2018</i>	31

SENARAI JADUAL LIST OF TABLE

Jadual 1a <i>Table 1a</i>	Nilai pengeluaran mineral mengikut negeri, 2018 <i>Value of mineral production by state, 2018</i>	26
Jadual 1b <i>Table 1b</i>	Nilai pengeluaran mineral mengikut negeri, 2018 <i>Value of mineral production by state, 2018</i>	27
Jadual 2a <i>Table 2a</i>	Ringkasan perangkaan bagi tahun 2018 – Produk Utama <i>Summary of statistics for year 2018 – Primary Products</i>	36
Jadual 2b <i>Table 2b</i>	Ringkasan perangkaan bagi tahun 2018 – Produk Sampingan <i>Summary of statistics for year 2018 – By-products</i>	37
Jadual 3 <i>Table 3</i>	Perlombongan Bijih Timah: Pengeluaran bulanan timah dalam konsentrat mengikut kaedah melombong (tan) <i>Tin Ore Mining: Monthly production of tin-in-concentrates by mining method (tonne)</i>	38
Jadual 4 <i>Table 4</i>	Perlombongan Bijih Timah: Pengeluaran bagi timah dalam konsentrat mengikut negeri dan kaedah melombong (tan) <i>Tin Ore Mining: Production of tin-in-concentrates by state and mining method (tonne)</i>	39
Jadual 5 <i>Table 5</i>	Perlombongan Bijih Timah: Pengeluaran bulanan timah dalam konsentrat mengikut negeri (tan) <i>Tin Ore Mining: Monthly production of tin-in-concentrates by state (tonne)</i>	40
Jadual 6 <i>Table 6</i>	Perlombongan Bijih Timah: Bilangan lombong secara bulanan mengikut kaedah melombong <i>Tin Ore Mining: Monthly number of mines by mining method</i>	41
Jadual 7 <i>Table 7</i>	Perlombongan Bijih Timah: Bilangan lombong mengikut negeri dan kaedah melombong <i>Tin Ore Mining: Number of mines by state and mining method</i>	42
Jadual 8 <i>Table 8</i>	Perlombongan Bijih Timah: Bilangan lesen mendulang dan lesen melombong individu mengikut negeri <i>Tin Ore Mining: Number of dulang licence and individual mining licence by state</i>	43
Jadual 9 <i>Table 9</i>	Penggunaan tempatan bulanan bagi logam timah mengikut jenis (tan) <i>Monthly local consumption of tin metal by type (tonne)</i>	44
Jadual 10 <i>Table 10</i>	Harga logam timah bagi tahun 2018 <i>Tin metal price in 2018</i>	45
Jadual 11 <i>Table 11</i>	Perlombongan Bijih Timah: Tenaga kerja bulanan mengikut kaedah melombong <i>Tin Ore Mining: Monthly workforce by mining method</i>	46
Jadual 12 <i>Table 12</i>	Perlombongan Bijih Timah: Tenaga kerja mengikut negeri dan kaedah melombong <i>Tin Ore Mining: Workforce by state and mining method</i>	47
Jadual 13 <i>Table 13</i>	Perlombongan Bijih Timah: Tenaga kerja bulanan mengikut negeri <i>Tin Ore Mining : Monthly workforce by state</i>	48
Jadual 14 <i>Table 14</i>	Perlombongan Bauksit: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan <i>Bauxite Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	49

Jadual 15a	Perlombongan Bijih Besi: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	50
Table 15a	<i>Iron Ore Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 15b	Perlombongan Bijih Besi: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	51
Table 15b	<i>Iron Ore Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 16	Perlombongan Kaolin: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	52
Table 16	<i>Kaolin Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 17	Perlombongan Emas: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	53
Table 17	<i>Gold Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 18	Harga Emas	54
Table 18	<i>Gold Price</i>	
Jadual 19	Perlombongan Pasir Silika: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	55
Table 19	<i>Silica Sand Mining: Number of mines, production, and number of workers by month</i>	
Jadual 20	Perlombongan Arang Batu: Bilangan lombong, pengeluaran, kaedah melombong dan bilangan pekerja mengikut bulan	57
Table 20	<i>Coal Mining: Number of mines, production, mining methods and number of workers by month</i>	
Jadual 21	Perlombongan Mika (Serisit): Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	58
Table 21	<i>Mica (Sericite) Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 22	Perlombongan Batu Kapur: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	59
Table 22	<i>Limestone Mining: Number of mine, production and number of workers by month</i>	
Jadual 23	Perlombongan Mangan: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	60
Table 23	<i>Manganese Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 24	Perlombongan Feldspar: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	61
Table 24	<i>Feldspar Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 25	Perlombongan Lempung Bebola: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	62
Table 25	<i>Ball Clay Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 26	Perlombongan Batu Dimensi: Bilangan lombong, pengeluaran dan bilangan pekerja mengikut bulan	63
Table 26	<i>Dimension Stone Mining: Number of mines, production and number of workers by month</i>	
Jadual 27	Pengeluaran mineral-mineral sampingan mengikut bulan (tan)	64
Table 27	<i>Production of by-product minerals by month (tonne)</i>	
Jadual 28	Pekerjaan dalam perlombongan mengikut pengkelasan jawatan	65
Table 28	<i>Employment in mining by job classification</i>	



PRAKATA FOREWORD

Laporan Industri Perlombongan Malaysia diteruskan penerbitannya pada tahun 2018, oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Laporan ini telah mengalami pelbagai perubahan sejak ia mula diterbitkan, dengan menjadikan lebih menyeluruh dan berinformasi bagi memperincikan pencapaian sektor perlombongan di Malaysia.


Laporan ini adalah kompilasi maklumat statistik yang melibatkan pelbagai aspek bagi industri perlombongan di Malaysia. Ianya diterbitkan bagi memberi gambaran dan maklumat terperinci mengenai industri perlombongan dan pelbagai jenis mineral yang di lombong di negara ini. Disamping meningkatkan kefahaman mengenai industri perlombongan di negara ini, maklumat ini amat penting bagi membuat perancangan untuk memastikan bekalan semasa dan masa hadapan komoditi mineral mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik negara. Maklumat dan data yang diperolehi untuk tujuan laporan ini hanya meliputi aktiviti perlombongan di atas tenemen mineral sahaja.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan laporan ini. Diharap laporan ini menjadi bahan rujukan berguna dan bermanfaat kepada semua pembaca, pemegang taruh, pemain industri dan pelabur di dalam dan luar negara. Jabatan ini juga mengalu-alukan sebarang cadangan dan maklumbalas untuk menambahbaikan laporan tahunan ini.

This annual publication of Malaysian Mining Industry continued to be published in the year of 2018 by the Department Mineral and Geoscience Malaysia. This report has undergone many changes since it was published, making it more comprehensive and informative pertaining to Malaysian mining sector performance.

This report is a compilation of statistical information encompassing various aspects of the mining industry in Malaysia. It is published to provide a comprehensive overview and detailed information on the industry as well as on the various minerals mined within the country. Besides giving better perspectives about the industry, the information is vital to make a plan for ensuring that the current and future supply of mineral commodities are sufficient to meet the domestic demands of the country. However, the information and data collected for the purpose of this report only covers on mining activities on the mineral tenements.

The Department of Mineral and Geoscience Malaysia wishes to express its sincere appreciation to all parties who have been involved in the preparation of this report. It is hoped that this report will serve as a useful and beneficial reference to all readers, stakeholders, industry players and investors both locally and overseas. The department would like to welcome any suggestions and feedbacks for further improvement of this report.



DATUK SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI
Ketua Pengarah *Director General*
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Department of Mineral and Geoscience Malaysia

PENGENALAN OVERVIEW

Industri perlombongan di Malaysia memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Bagi tahun 2018, keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi industri perlombongan kekal pada 0.7 peratus.

Mineral utama yang dilombong di Malaysia adalah emas, bauksit, bijih besi, bijih timah, mangan, kaolin, feldspar, pasir silika, mika dan arang batu. Pemprosesan amang daripada hampas lombong bijih timah menghasilkan mineral sampingan seperti ilmenit, monazit, zirkon, rutil, struverit dan xenotim. Perak adalah hasil sampingan perlombongan emas.

Pada tahun 2018, industri perlombongan di Malaysia menunjukkan peningkatan nilai pengeluaran mineral sebanyak 2.6 peratus kepada RM2.22 billion berbanding RM2.16 billion pada tahun 2017. Terdapat peningkatan yang ketara dalam pengeluaran bauksit pada tahun 2018 namun harga yang rendah kurang menyumbang kepada nilai pengeluaran. Namun begitu, pengeluaran emas mentah dan pasir silika yang masing-masing meningkat 40% dan 125% berbanding tahun sebelumnya adalah antara penyumbang besar kepada peningkatan nilai pengeluaran mineral bagi tahun 2018. Bilangan lombong juga telah bertambah dari 145 buah kepada 153 buah lombong dalam tahun 2018.

Sumber mineral di Malaysia masih lagi mempunyai potensi untuk diusahakan bagi memastikan sektor perlombongan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

The mining industry in Malaysia plays an important role to the growth and development of our economy. In 2018, the gross domestic product (GDP) for mining industry maintained at 0.7 percent.

Major minerals mined in Malaysia were gold, bauxite, iron ore, tin ore, manganese, kaolin, feldspar, silica sand, mica and coal. Amang from tailings of tin mining was further treated to produce by-product minerals such as ilmenite, monazite, zircon, rutile, struverite and xenotime. Silver is a by-product from gold mining.

In 2018, the mining industry in Malaysia saw an increase of 2.6 percent of mineral value to RM2.22 billion from RM2.16 billion in 2017. Year 2018 saw a significant increased of bauxite production however the low mineral price does not contribute to the mineral production value. However, a rise in raw gold and silica sand production which is 40% and 125% respectively compared to previous year has contribute to the increment of mineral value for year 2018. The number of mine increased from 145 mines to 153 mines in year 2018.

Mineral resources in Malaysia still has potential to be developed so that mining sector continues its contribution towards the country's economic development.

DASAR MINERAL NEGARA 2 NATIONAL MINERAL POLICY 2

Pada Januari 2009, Dasar Mineral Negara 2 (DMN2), telah dilancarkan untuk meningkatkan sumbangan sektor mineral kepada pembangunan negara dengan persekitaran yang efektif, cekap dan berdaya saing. DMN2 menyediakan asas untuk melaksanakan amalan perlombongan terbaik bagi memastikan keseimbangan atau kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar.

Selain itu, bagi memastikan objektif DMN2 tercapai, sembilan teras utama telah diperkenalkan iaitu:

1. Pengembangan Sektor Mineral
2. Iklim Perniagaan yang Kondusif
3. Penerajuan Alam Sekitar
4. Peningkatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
5. Pembangunan Sumber Manusia
6. Pewujudan Informasi Mineral yang Bersepadu
7. Penglibatan Komuniti dan Tanggungjawab Sosial
8. Promosi, Pemasaran dan Penjenamaan
9. Publisiti dan Perhubungan Awam

KENYATAAN POLISI

Untuk mempertingkatkan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pembangunan sumber mineral yang efisien, bertanggungjawab dan mampan di samping penggunaan sumber-sumber mineral secara optimum.

In January 2009, the National Mineral Policy 2 (NMP2), has been launched to enhance the contribution of the mineral sector to the development of the Nation with effective, efficient and competitive environment. The NMP2 provides the foundation for the sector to pursue with good mining practices to ensure a balance between economic prosperity, social well-being and environmental protection.

In addition, to ensure that the NMP2 objectives achieved, nine main thrusts were introduced, namely:

1. Expansion of the Mineral Sector
2. Conducive Business Climate
3. Environmental Stewardship
4. Research and Development (R&D) Enhancement
5. Human Resources Development
6. Establishment of Integrated Mineral Information
7. Community Involvement and Social Responsibility
8. Promotion, Marketing and Branding
9. Publicity and Public Relations

POLICY STATEMENT

To enhance the contribution of the mineral sector to the socio-economic development of the nation through the efficient, responsible and sustainable development as well as the optimum utilisation of mineral resources.

OBJEKTIF

Objektif-objektif DMN2 ini adalah seperti berikut:

1. Untuk memastikan pembangunan yang mampan dan penggunaan sumber-sumber mineral secara optimum.
2. Untuk mempromosikan penerajuan terhadap alam sekitar bagi memastikan sumber mineral negara dibangunkan secara mesra alam sekitar, bertanggungjawab dan mampan.
3. Untuk mempertingkatkan daya saing dan kemajuan sektor mineral di arena global.
4. Untuk memastikan penggunaan mineral tempatan dan mempromosikan lagi pembangunan produk berasaskan mineral.
5. Untuk menggalakkan perolehan, kitar semula dan guna semula logam dan mineral.

PELAN INDUK

Terdapat tiga Pelan Induk yang telah dirangka di bawah DMN2 iaitu:

1. Pelan Induk Pembangunan Mineral
2. Pelan Induk Pembangunan Industri Kuari
3. Pelan Induk Pemulihan Lombong dan Kuari

OBJECTIVES

The objectives of NMP2 are as follows:

1. To ensure the sustainable development and optimum utilisation of mineral resources.
2. To promote environmental stewardship that will ensure the nation's mineral resources are developed in an environmentally sound, responsible and sustainable manner.
3. To enhance the mineral sector's competitiveness and advancement in the global arena.
4. To enhance the use of local minerals and promote the further development of mineral-based products.
5. To encourage the recovery, recycling and reuse of metals and minerals.

MASTER PLANS

There are three Master Plans formulated under the NMP2, namely:

1. Mineral Development Master Plan
2. Quarry Industry Development Master Plan
3. Mines and Quarries Rehabilitation Master Plan

KAEDAH DAN PERATURAN RULES AND REGULATIONS

Aktiviti perlombongan di Malaysia ditadbir oleh dua perundangan utama iaitu Akta Pembangunan Mineral 1994 (APM) untuk Kerajaan Persekutuan dan Enakmen Mineral Negeri (EMN) bagi setiap Kerajaan Negeri.

APM 1994 mentakrifkan kuasa Kerajaan Persekutuan untuk mengawal selia penjelajahan, perlombongan dan aktiviti berkaitan mineral, termasuk kuasa untuk menjalankan pemeriksaan. Akta ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 1998.

Sementara itu, EMN memberi kuasa kepada negeri perkara berkaitan tanah termasuk pengeluaran tenemen mineral. Kesemua negeri telah menguatkuasakan EMN kecuali Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Aktiviti perlombongan di Sabah tertakluk di bawah Ordinan Perlombongan Sabah 1960, manakala Enakmen Perlombongan Bab 147 digunakan untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Aktiviti perlombongan di Sarawak pula dikawalselia oleh Ordinan Mineral Sarawak 2004 (versi yang diubahsuai daripada EMN).

Seperti yang termaktub di bawah Akta ini, setiap operasi perlombongan di Malaysia perlu mempunyai Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia sebelum apa-apa kerja pembangunan atau perlombongan di dalam kawasan pajakan melombong atau lesen melombong tuan punya boleh dimulakan.

Terdapat lima peraturan di bawah Akta ini yang telah diwartakan dan dikuatkuasakan, iaitu

- Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong, Pelan dan Buku Rekod) 2007;
- Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan) 2013;
- Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Keselamatan Semasa Penjelajahan dan Perlombongan Permukaan) 2015;
- Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Perlesenan) 2016; dan
- Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Efluen) 2016.

The mining activities are governed in Malaysia by two main legislations consisting of the Mineral Development Act 1994 (MDA) for the Federal Government and the State Mineral Enactment (SME) for respective State Government.

The MDA 1994 defines the powers of the Federal Government to regulate exploration, mining and related activities on mineral, including authority to conduct inspections. This Act came into force on 1st August 1998.

Meanwhile, SME gives state government the powers related to land matters including issuance of mineral tenements. All states have enacted the SME, except Sabah and the Federal Territory of Kuala Lumpur. Mining activities in Sabah are subject to the Sabah Mining Ordinance 1960, and for the Federal Territory of Kuala Lumpur mining activities are subject to Mining Enactment Chapter 147. Whereas, mining activities in Sarawak are enforced under the Sarawak Mineral Ordinance 2004 (a modified version of the SME).

As stipulated under the Act, every mining operation in Malaysia must have valid Letter of Approval for Operational Mining Scheme issued by Department of Mineral and Geoscience Malaysia before commencing any development work or mining activities in the mining lease or proprietary mining licence areas.

There are five regulations under this Act, which are gazetted and enforced, namely

- Mineral Development (Operational Mining Scheme, Plans and Record Books) Regulations 2007;
- Mineral Development (Blasting) Regulations 2013;
- Mineral Development (Safety in Exploration and Surface Mining) Regulations 2015;
- Mineral Development (Licencing) Regulations 2016; and
- Mineral Development (Effluent) Regulations 2016.

Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral bagi Pengkompaunan Kesalahan, Penyata Statistik, Perlombongan Bawah Tanah masih dalam proses penyediaan draf.

Dalam masa yang sama, beberapa siri amalan terbaik dan garis panduan untuk aktiviti perlombongan dan kuari telah dimuktamadkan pada penghujung 2018 iaitu:

1. Garis Panduan Keselamatan Kerja Lapangan
2. Garis Panduan Tatacara Penyiasatan dan Pendakwaan (Perlombongan)
3. Garis Panduan Tatacara Penyiasatan dan Pendakwaan (Pengkuarian)
4. Garis Panduan Pemulihan Lombong dan Kuari
5. Garis Panduan Pengurusan Alam Sekitar semasa Penjelajahan Mineral
6. Amalan Terbaik Peletupan dalam Industri Perlombongan dan Pengkuarian
7. Amalan Hijau Terbaik Penggunaan Tenaga dan Air dalam Industri Perlombongan dan Pengkuarian
8. Amalan Terbaik Pengangkutan Mineral dan Batuan dalam Lombong dan Kuari
9. Amalan terbaik untuk Kesan Visual dan Estetika dalam Perlombongan dan Pengkuarian

A few other regulations are being formulated such as Mineral Development Regulations for Compounding of Offences, Statistical Returns, as well as Underground Mining.

Furthermore, a few series of best practices and guidelines for mining and quarrying activities has been finalised at the end of 2018 which are:

1. *Guidelines on Fieldwork Safety*
2. *Guidelines on Investigation and Prosecution (Mining)*
3. *Guidelines on Investigation and Prosecution (Quarrying)*
4. *Guidelines on Mine and Quarry Rehabilitation*
5. *Guidelines on Environmental Management during Mineral Exploration*
6. *Best Practices on Blasting in Mining and Quarrying Industry*
7. *Best Green Practices on Energy and Water Consumption in Mining and Quarrying Industry*
8. *Best Practices on Mineral and Rock Transportation in Mine and Quarry*
9. *Best Practices on Visual and Aesthetic Impact in Mining and Quarrying*

PENGELUARAN MINERAL

MINERALS PRODUCTION

Malaysia dilimpahi oleh anugerah rizab mineral yang banyak yang bernilai RM825 billion, menjadikan negara ini sebagai salah satu negara perlombongan aktif di rantau ini.

Secara umumnya, mineral-mineral di Malaysia yang dihasilkan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu mineral berlogam, mineral bukan logam dan mineral tenaga. Pengeluaran mineral berlogam termasuklah emas, bijih timah, bijih besi, bauksit, mangan dan mineral-mineral sampingan seperti perak, struverit dan lain-lain. Manakala mineral bukan logam pula terdiri daripada batu kapur, kaolin, pasir silika, feldspar dan mika. Arang batu terletak dalam kategori mineral tenaga.

Mineral-mineral sampingan diperoleh daripada aktiviti pemprosesan kilang amang yang menghasilkan ilmenit, zirkon, monazit, rutil, struverit dan xenotim. Perak pula adalah hasil sampingan daripada perlombongan emas.

Pada tahun 2018, terdapat 153 buah lombong dan 16 buah kilang pembilasan amang yang mengeluarkan mineral-mineral dengan nilai berjumlah RM2.22 billion, peningkatan sebanyak 2.6 peratus dari RM2.16 billion pada tahun 2017. Peratus nilai pengeluaran berdasarkan kategori mineral bagi tahun 2018 ditunjukkan dalam Rajah 1.

Mineral berlogam masih mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang utama bagi industri mineral negara iaitu 70 peratus daripada nilai keseluruhan pengeluaran mineral. Penurunan sebanyak 2.5 peratus dengan nilai RM1,555.88 juta bagi tahun 2018 berbanding RM1,596.63 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penurunan sedikit nilai pengeluaran bijih besi yang telah memberi kesan kepada nilai pengeluaran mineral berlogam.

Malaysia was blessed with significant mineral reserves valued at RM825 billion which made this country as one of the active mining countries in this region.

In general, the minerals produced in Malaysia can be divided into three categories, namely metallic, non-metallic and energy minerals. The production of metallic minerals includes gold, tin ore, iron ore, bauxite, manganese and several by-products such as silver, stuverite and others. While non-metallic minerals consist of limestone, kaolin, silica sand, feldspar and mica. Coal falls under the energy mineral category.

The by-product minerals derived from amang processing plants are ilmenite, zircon, monazite, rutile, struverite and xenotime. Silver is a by-product from gold mining.

In 2018, there were 153 mines and 16 amang retreatment plants that produced minerals which amounted to RM2.22 billion, an increase of 2.6 percent from RM2.16 billion in 2017. The percentage of the production values of minerals category for the year 2018 is shown in Figure 1.

Metallic minerals remained as the main contributor to the country's mineral industry which accounted for 70 percent of the total minerals production value. There was a 2.5 percent decrease with a value of RM1,555.88 million for year 2018 compared with RM1,596.63 million in the previous year. This was mainly due to slightly decrease of iron ore production value which gave impact on the metallic minerals value.

Namun begitu nilai pengeluaran mineral bukan logam melonjak sebanyak 83.6 peratus dari RM124.21 juta pada tahun 2017 kepada RM228.06 juta. Peningkatan ketara pengeluaran bauksit dan pasir silika telah menyumbang kepada kenaikan nilai pengeluaran mineral bukan logam bagi tahun 2018.


Nilai pengeluaran arang batu iaitu mineral tenaga yang dihasilkan menurun sebanyak 8.4 peratus kepada RM371.39 juta daripada RM405.37 juta pada tahun 2017.

Pada masa yang sama, nilai mineral sampingan bertambah kepada RM63.45 juta daripada RM35.40 juta pada tahun 2017. Nilai pengeluarannya mewakili tiga peratus nilai keseluruhan pengeluaran mineral.

On the other hand, the non-metallic minerals production value soared to 83.6 percent from RM124.21 million in 2017 to RM228.06 million. The significant rise of bauxite and silica sand production has contributed to the increase of production value for non-metallic minerals for year 2018.

The production value of coal, the only energy mineral produced, decreased by 8.4 percent to RM371.39 million from RM405.37 million in 2017.

Meanwhile, the by-product minerals value increase to RM63.45 million from RM35.40 million in 2017. Its production value represented three percent of the total minerals production value.




Rajah 1 : Peratusan Nilai Pengeluaran Mineral, 2018
Figure 1 : Percentage of Minerals Production Value, 2018

BIJIH TIMAH

Bijih timah dilombong di Perak, Pahang, Johor, Selangor dan Kedah. Pada tahun 2018, terdapat 17 buah lombong bijih timah yang aktif, di mana tujuh buah lombong beroperasi di Perak, enam di Pahang, dua di Kedah, satu di Johor, dan satu di Selangor dan. Bilangan lombong bijih timah bagi tahun 2008 sehingga 2018 ditunjukkan dalam Rajah 2.

TIN ORE


Tin ore was mined in Perak, Pahang, Johor, Selangor and Kedah. In 2018, there were a total of 17 active tin ore mines where seven of them were operating in Perak, six in Pahang, two in Kedah, one in Johor, and one in Selangor. The number of tin mines for the year of 2008 until 2018 is shown in Figure 2.



Rajah 2: Bilangan Lombong Timah, 2008-2018
Figure 2: Number of Tin Mines, 2008-2018

Pengeluaran timah dalam konsentrat pada tahun 2018 ialah sebanyak 3,868 tan, menurun sedikit berbanding 3,894 tan pada tahun 2017. Walaupun begitu nilai pengeluaran meningkat kepada RM313.76 juta berbanding RM233.92 juta pada tahun sebelumnya. Perak masih merupakan pengeluar utama bijih timah negara iaitu sebanyak 3,175 tan. Daripada jumlah 3,868 tan bijih timah yang dihasilkan pada tahun 2018, sebanyak 3,212 tan diperoleh daripada aktiviti perlombongan, 273 tan daripada kilang pembilasan amang, 410 tan daripada aktiviti mendulang. Sejumlah 27 tan bijih timah yang bernilai RM2.21 juta dikeluarkan sebagai hasil sampingan lombong bijih besi di Terengganu. Jumlah pengeluaran timah dalam konsentrat bagi tahun 2008 sehingga 2018 ditunjukkan dalam Rajah 3.

The production of tin-in-concentrates in 2018 was 3,868 tonnes, a slight decrease from 3,894 tonnes in 2017. However, the production value increased to RM313.76 million compared with RM233.92 million in 2017 because of the tin price increment. Perak remained as the largest tin ore producer in the country with an output of 3,175 tonnes. From the total production of 3,868 tonnes of tin ore in 2018, there were 3,212 tonnes from mines operations, 273 tonnes from amang retreatment plants and 410 tonnes from panning activity. There were 27 tonnes of tin ore value at RM2.21 million produced as a by product from iron mines in Terengganu. The total production of tin-in-concentrates for year 2008 until 2018 is shown in Figure 3.




Rajah 3 : Pengeluaran Timah-dalam-Konsentrat, 2008-2018
Figure 3 : The Production of Tin-in-Concentrates, 2008-2018

Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd. yang terletak di Klian Intan, Perak adalah lombong bijih timah terbesar dan menyumbang kepada jumlah pengeluaran timah dalam konsentrat yang tertinggi di Malaysia.

Rahman Hydraulic Tin Sdn. Bhd. located in Klian Intan, Perak is the largest tin ore mine and contributed the highest amount of tin-in-concentrates in Malaysia.

Pengeluaran timah dalam konsentrat mengikut negeri bagi tahun 2018 ditunjukkan dalam Rajah 4

The production of tin-in-concentrates by states for year 2018 is shown in Figure 4.



Rajah 4 : Pengeluaran Bijih Timah mengikut Negeri, 2018
Figure 4 : Tin Ore Production by State, 2018

Harga Timah


Harga timah dan mineral lain seperti emas dan bijih besi menunjukkan penurunan pada penghujung tahun 2018 berbanding harga pada permulaan tahun. Harga purata tahunan timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) yang diniagakan dalam tahun 2018 adalah USD20,071.00 per tan, menurun sedikit sebanyak 0.2 peratus dari tahun sebelumnya iaitu USD20,036.00 per tan.

Pada Januari 2018, purata harga bulanan timah di PTKL dicatatkan pada USD20,410 per tan, menaik kepada USD21,110 per tan pada Mac. Harga timah seterusnya naik sedikit kepada USD21,141 per tan pada Mei namun terus dalam trend menurun sehingga USD18,911 per tan pada bulan September. Harga naik semula ke USD19,234 per tan pada Disember. Harga purata bulanan timah bagi tahun 2018 ditunjukkan di dalam Rajah 5.

Tin Price

The price of tin and other minerals like gold and iron ore showed a decrease towards the end of 2018 compared to the price at the start of the year. The annual average price in Kuala Lumpur Tin Market (KLTM) traded in 2018 was USD20,071.00 per tonne, dropped slightly at 0.2 percent from the previous year which is USD20,036.00 per tonne.

In 2018, the average monthly price of tin in KLTM showed an increase from USD20,410 per tonne in January to USD21,110 per tonne in March. Tin price rose to USD21,141 per tonne in May then continue in decreasing trend until reached USD18,911 per tonne in September. Then the price started to climb up to USD19,234 per tonne in December. The average monthly tin prices for the year 2018 are shown in Figure 5.



Rajah 5 : Harga Purata Bulanan Timah, 2018
Figure 5 : Monthly Average Tin Price, 2018

EMAS

Emas dilombong di negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. Pada tahun 2018, terdapat 19 buah lombong emas yang giat beroperasi, di mana sepuluh lombong beroperasi di Pahang, enam di Kelantan, dua di Terengganu dan satu di Sabah.

Pertambahan dua buah lombong emas baru pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran emas yang meningkat kepada 2,978,122 gram dari 2,124,202 gram pada tahun 2017. Peningkatan pengeluaran ini juga telah melonjakkan nilai pengeluaran emas pada tahun 2018 sebanyak 26 peratus kepada RM506.73 juta berbanding RM403.86 juta pada tahun sebelumnya.


Pahang masih merupakan pengeluar utama emas negara pada tahun 2018 dengan pengeluaran sebanyak 1,593,615 gram diikuti Kelantan sebanyak 1,291,913 gram, dan Sabah sebanyak 92,594 gram. Pengeluaran emas mengikut negeri ditunjukkan di dalam Rajah 6.

GOLD

Gold was mined in the states of Pahang, Kelantan and Terengganu. In 2018, there were 19 active gold mines in operation where ten mines were operated in Pahang, six mines in Kelantan, two mine in Terengganu and one mine in Sabah.

The additional of two new mines in 2018 compared to last year has contributed to the rise of the production of gold to 2,978,122 grams from 2,124,202 grams in 2017. The production increment has surge the production value in 2018 at 26 percent to RM506.73 million compared with RM403.86 million in the previous year.

Pahang remained as the country's major gold producer for 2018 with production of 1,593,615 grams followed by Kelantan with 1,291,913 grams, and Sabah with 92,594 grams. The production of gold by states is shown in Figure 6




Rajah 6 : Pengeluaran emas mengikut negeri, 2018
Figure 6 : Production of gold by states, 2018

Harga Emas

Harga purata bulanan emas di London PM Fix pada tahun 2018 menunjukkan penurunan dari USD1,331.67/troy auns pada Januari kepada USD1,324.66/troy auns pada Mac dan naik seketika kepada USD1,334.74/troy auns pada April dan seterusnya jatuh sehingga ke harga purata terendah USD1,198.47/troy auns pada September. Harga emas naik semula ke USD1,247.90/troy auns pada Disember. Harga purata emas bagi tahun 2018 adalah USD1,247.90/troy auns berbanding USD1,257.11/troy auns bagi 2017. Rajah 7 menunjukkan purata bulanan harga emas pada tahun 2018.

Gold Price

The monthly average price of gold at the London PM Fix in 2018 has shown a decrease from USD1,331.67/ troy ounce in January to USD1,324.66/ troy ounce in March, then it was temporarily rise to USD1,334.74/ troy ounce in April then plunged to the lowest average price to USD1,198.47/ troy ounce in September. Gold price peaked at USD1,247.90 in December. The average price of gold in 2018 was USD1,247.90/ troy ounce compared to USD1,257.11/ troy ounce in 2017. Figure 7 shows average monthly gold prices in 2018.




Rajah 7 : Harga Purata Bulanan Emas, 2018
Figure 7: Average Monthly Gold Price, 2018

BIJIH BESI

Bijih besi dilombong di negeri Pahang, Terengganu, Johor, Kedah, dan Kelantan. Pada tahun 2018, terdapat 52 lombong besi berbanding 49 pada tahun 2017, di mana 26 lombong beroperasi di Pahang, Terengganu (14), Johor (4), Kedah (5) dan Kelantan (3).

IRON ORE


Iron ore was mined in the states of Pahang, Terengganu, Johor, Kedah and Kelantan. In 2018, there were 52 iron mines compared with 49 mines in 2017, where 26 mines operated in Pahang, Terengganu (14), Johor (4), Kedah (5) and Kelantan (3).



Rajah 8 : Pengeluaran Bijih Besi mengikut negeri, 2018
Figure 8 : Iron Ore Production by states, 2018

Walaupun terdapat pertambahan bilangan lombong besi terutamanya di Pahang dari 21 buah lombong dalam tahun 2017 ke 26 buah lombong dalam tahun 2018 namun pengeluaran bijih besi pada tahun tersebut berkurangan sebanyak 14 peratus kepada 3,353,634 tan berbanding 3,919,632 tan pada tahun sebelumnya. Nilai pengeluaran dalam tahun 2018 juga menurun ke RM503.05 juta berbanding RM767.22 juta pada tahun 2017. Pengeluaran bijih besi mengikut negeri ditunjukkan di dalam Rajah 8.

Though there were an increase in the number of iron mines specifically in Pahang from 21 in 2017 to 26 in 2018 but iron ore production decrease 14 percent to 3,353,634 tonnes compared with 3,919,632 tonnes in 2017. The production value in 2018 fell to RM503.05 million compared with RM767.22 million in 2017. The production of iron ore by states is shown in Figure 8.



Rajah 9 : Pengeluaran Bijih Besi, 2008-2018
Figure 9 : Iron Ore Productions, 2008-2018

Pengeluaran bijih besi di Malaysia, sepanjang sepuluh tahun yang lepas telah mencapai puncak pengeluaran pada tahun 2013 dan selepas itu dalam trend menurun sehingga naik sedikit tahun lepas. Dalam tahun 2018, pengeluaran kembali merosot walaupun terdapat pertambahan bilangan lombong baru di Pahang. Harga bijih besi yang rendah menyumbang kepada jumlah pengeluaran tahunan kerana kebanyakan pelombong skala kecil mengeluarkan bijih besi mengikut permintaan. Pengeluaran bijih besi bagi tahun 2008 sehingga tahun 2018 adalah seperti pada Rajah 9.

The production of iron ore in Malaysia over the last ten years has reached its peak in 2013 and has been on a downward trend until it rose slightly in last year. In 2018, there were a decline in production eventhough there was new mines in operation in Pahang. This is due to low iron ore prices which affect to the yearly production because most of the small-scale miners produced iron ore in according to the demand. Iron ore production for 2008 to 2018 as shown in Figure 9.

ARANG BATU

Sarawak adalah satu-satunya negeri pengeluar arang batu pada tahun 2018 iaitu dari perlombongan di Bahagian Mukah dan Kapit. Pada tahun semasa, terdapat tujuh buah lombong arang batu yang terdiri daripada lombong dedah. Pengeluaran arang batu pada tahun 2018 menurun kepada 2,652,813 tan bernilai RM371.39 juta berbanding 2,988,212 tan bernilai RM405.37 juta pada tahun 2017, dimana nilai pengeluaran arang batu berkurang sebanyak 8 peratus berbanding tahun lepas.

PASIR SILIKA

Pada tahun 2018, terdapat dua belas lombong pasir silika di mana dua lombong beroperasi di Sarawak, enam lombong di Johor, dua di Terengganu dan masing-masing satu di Kedah dan di Pahang. Pada tahun 2018, pengeluaran pasir silika ialah 1,004,068 tan bernilai RM102.00 juta berbanding 445,146 tan bernilai RM55.29 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 85 peratus dalam nilai pengeluaran.

KAOLIN

Pada tahun 2018, sejumlah 16 lombong kaolin beroperasi di negeri Perak, Pahang, dan Terengganu. Sebanyak 14 lombong kaolin beroperasi di Perak, dan masing-masing satu di Pahang dan Terengganu. Pengeluaran kaolin pada tahun 2018 sebanyak 312,616 tan bernilai 37.51 juta berbanding dengan 336,289 tan bernilai RM41.93 juta pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 18 peratus dalam nilai pengeluaran.

COAL

Sarawak was the only state producing coal in 2018 which was mined in Mukah and Kapit Division. During the year, there were seven coal mines consisting of open cast mines. The production of coal in 2018 was 2,652,813 tonnes, valued at 371.39 million compared with 2,988,212 tonnes, valued at RM405.37 million in 2017, in which a decrease of 8 percent in production value compared to last year.

SILICA SAND

In 2018, there were twelve silica sand mines where two mines were operating in Sarawak, six in Johor, two mines in Terengganu and one mine respectively in Kedah and Pahang. In 2018, the production was 1,004,068 tonnes valued at RM102.00 million compared with 445,146 tonnes worth RM55.29 million in 2017, an 85 percent increase of production value.

KAOLIN

In 2018, a total of 16 kaolin mines operating in the states of Perak, Pahang, and Terengganu. There were 14 kaolin mines in Perak, one each in Pahang and Terengganu. Kaolin production in 2018 was 312,616 tonnes valued at 37.51 million compared with 336,289 tonnes valued at RM41.93 million in 2017, a decrease of 18 percent of production value.

BAUKSIT

Pada tahun 2018, moratorium perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang yang bermula pada 15 Januari 2016 dan masih berterusan sehingga hujung tahun 2018. Oleh yang demikian, hanya negeri Johor yang mengeluarkan bauksit dari tiga lombong yang terletak di Pengerang. Pada tahun tersebut, jumlah pengeluaran bauksit tahunan meningkat sebanyak 211 peratus kepada 589,684 tan bernilai RM66.16 juta berbanding 189,131 tan bernilai RM21.96 juta pada tahun 2017

FELDSPAR

Pada tahun 2018, terdapat lima lombong feldspar di mana dua lombong beroperasi di Kelantan dan tiga di Negeri Sembilan. Pengeluaran feldspar pada tahun 2018 ialah sebanyak 342,851 tan bernilai RM15.77 juta berbanding 338,104 tan bernilai RM18.38 juta pada tahun 2017, iaitu penurunan nilai pengeluaran sebanyak 14 peratus.

MIKA

Mika hanya dilombong di Perak dalam bentuk mineral serisit. Terdapat dua lombong mika yang beroperasi pada tahun 2018, sama seperti tahun sebelumnya. Jumlah pengeluaran mika pada tahun 2018 meningkat sebanyak lapan peratus kepada 5,165 tan bernilai RM3.10 juta berbanding 4,787 tan bernilai RM2.91 juta pada tahun 2017.

MANGAN

Terdapat 15 lombong mangan yang beroperasi pada tahun 2018 di Kelantan dan Pahang. Daripada jumlah lombong tersebut, tiga belas lombong terletak di Kelantan dan dua di Pahang. Pengeluaran mangan pada tahun 2018 meningkat sedikit kepada 1,262,725 tan bernilai RM232.34 juta berbanding 1,266,106 tan bernilai RM166.77 pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 39 peratus dalam nilai pengeluaran akibat peningkatan harga mangan di pasaran.

BAUXITE

In 2018, the enforcement of moratorium for bauxite mining in Kuantan, Pahang which was started on 15 January 2016 and had continued until the end of year 2018. Hence, only Johor produced bauxite from three mines located in Pengerang. During the same year, there was an increase of bauxite annual production at 211 percent which is 589,684 tonnes valued at RM66.16 million compared with 189,131 tonnes valued at RM21.96 million in 2017.

FELDSPAR

In 2018, there were five feldspar mines where two mines were operating in Kelantan and three mines in Negeri Sembilan. The production of feldspar in 2018 was 342,851 tonnes valued at RM15.77 million compared with 338,104 tonnes valued at RM18.38 million in 2017, a decrease of 14 percent in production value.

MICA

Mica was only mined in Perak in the form of sericite mineral. There were two operating mica mines in 2018, as were in the previous year. The total production of mica in 2018 increased by eight percent to 5,165 tonnes, valued at RM3.10 million compared with 4,787 tonnes at RM2.91 million in 2017.

MANGANESE

There were 15 manganese mines in operation during 2018 in Kelantan and Pahang. Out of the total mines, thirteen were located in Kelantan and two in Pahang. The production of manganese in 2018 increased slightly to 1,262,725 tonnes valued at RM232.34 million from 1,266,106 tan tonnes valued at RM166.77 million in 2017, a 39 percent increase of production value

BATU KAPUR

Hanya sebuah lombong batu kapur di Sarawak iaitu Luckyhill Quarry Sdn. Bhd. Pada tahun 2018, jumlah pengeluaran batu kapur adalah sebanyak 16,957 tan bernilai RM0.17 juta berbanding 15,808 tan bernilai RM0.16 juta pada tahun 2017.

BATU DIMENSI

Terdapat sebuah lombong batu dimensi iaitu Lombong Lembaga Tabung Amanah Warisan di Terengganu. Pada tahun 2018, jumlah pengeluaran batu dimensi daripada lombong tersebut adalah sebanyak 1,418 m³ bernilai RM2.55 juta berbanding sebanyak 1,422 m³ bernilai RM2.56 juta dalam tahun sebelumnya.

LEMPONG BEBOLA

Lemping bebola di keluarkan dari sebuah lombong di Sarawak iaitu Keresa Sdn Bhd. Pengeluaran lemping bebola pada tahun 2018 adalah sebanyak 258,790 tan bernilai RM0.80 juta.

LIMESTONE

The was only one limestone in operation Sarawak which is Luckyhill Quarry Sdn. Bhd. In 2018, the total production was 16,957 tonnes valued at RM0.17 million compared with 15,808 tonnes valued at RM0.16 million in 2017.

DIMENSION STONE

There was one dimension stone mine which is Lombong Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu in Terengganu. In 2018, the total production of dimension stone from the above said mine was 1,418 m³ valued at RM2.55 million compared to 1,422 m³ valued at RM2.56 million.

BALL CLAY

Ball clay was produced from a mine in Sarawak which is the Keresa Sdn Bhd. The production of ball clay from mining land in 2018 was at 258,790 tan valued at RM0.80 millions.

TENEMEN MINERAL: LESEN MENCARIGALI, LESEN PENJELAJAHAN, PAJAKAN MELOMBONG DAN LESEN MELOMBONG TUAN PUNYA

MINERAL TENEMENT: PROSPECTING LICENCE, EXPLORATION LICENCE, MINING LEASE AND PROPRIETARY MINING LICENCE

Pada tahun 2018, sejumlah 229 permohonan teneman telah direkodkan melibatkan permohonan baru dan pembaharuan teneman di seluruh Negara. Daripada jumlah ini, terdapat sebanyak 100 permohonan untuk Lesen Mencarigali (PL), 13 permohonan Lesen Penjelajahan (EL), 67 permohonan Pajakan Melombong (ML) dan 48 permohonan Lesen Melombong Tuan Punya (PML). Statistik ini menunjukkan penurunan berbanding tahun 2017 (424 permohonan) iaitu hampir 46 peratus (46%) melibatkan semua jenis teneman. Perincian permohonan teneman mineral ini dinyatakan seperti Rajah 10 di bawah:

